

23 NOV 1998

LING-MISC/I

MISC DIJEMPUT SERTAI FIRMA PENGANTARA NASIONAL

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Malaysian International Shipping Corporation Bhd, syarikat perkapalan utama negara, akan dijemput oleh kerajaan untuk menyertai syarikat pengantara nasional yang dicadangkan, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, hari ini.

Kementerian sedang berbincang dengan banyak syarikat perkapalan untuk mendapat reaksi mengenai cadangan itu, katanya kepada pemberita selepas membuka pameran kereta di sini.

"Kami memberitahu idea ini (kepada mereka). Saya telah berbincang dengan banyak syarikat perkapalan dan kita mempunyai pelbagai pilihan. Jadi perbincangan sedang diadakan dengan syarikat-syarikat pengantara mengenai sama ada kita mahukan usahasama atau sama ada kita mempunyai pilihan lain," katanya.

Penubuhan syarikat pengantara pertama kali disuarakan pada satu dialog dengan pengguna-pengguna pelaburan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas. Cadangan itu telah diterima oleh Kabinet.

Penubuhan syarikat pengantara nasional itu adalah untuk membawa semua kargo dari Malaysia ke Pelabuhan Klang untuk meningkatkan muatan kargo di pelabuhan utama negara itu.

-- BERNAMA

RV JR MA